Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)
Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs

17.2.2024

Siaran Media

IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAHB dan PBAPP.

AIDAP 2024 "MENGEKALKAN" KAPASITI EFEKTIF EMPANGAN AIR ITAM

- **32.8% pada 5.2.2024 kepada 32.4% pada 16.2.2024.**
- **Penurunan 0.4% kapasiti efektif selama 11 hari: Kurang dari 0.04% sehari.**

PULAU PINANG, Sabtu, 17.2.2024: Dalam 11 hari yang lalu, termasuk hari kemuncak perayaan Tahun Baru Cina 2024, kapasiti efektif Empangan Air Itam telah menurun sebanyak 0.4% iaitu kurang daripada 0.04% sehari.

Pada 5.2.2024, kapasiti efektif empangan itu ialah 32.8%. Pada 16.2.2024, ia adalah 32.4%.

Ini berikutan pelaksanaan "Pelan Tindakan Empangan Air Itam 2024" (AIDAP 2024) oleh PBAPP untuk mengekalkan kapasiti efektif empangan itu selama yang mungkin, sehingga musim hujan yang akan datang.

AIDAP 2024

PBAPP telah melaksanakan 4 langkah kontingensi kejuruteraan bekalan air berikut di bawah AIDAP 2024:

1. Meminimumkan pelepasan air mentah dari Empangan Air Itam ke Loji Rawatan Air (LRA) Air Itam sebanyak 75% setiap hari, daripada 44 juta liter sehari (JLH) kepada 11 JLH.

2. Mengoptimumkan pengambilan air mentah daripada muka sauk Utama dan muka sauk Tat (2 sumber air mentah lain untuk LRA Air Itam) pada kadar 6 JLH.

3. Mengurangkan penghasilan air terawat di LRA Air Itam WTP pada 66%, daripada 50 JLH kepada to 17 JLH sehari.

4. Mengepam 33 JLH air terawat dari LRA Sungai Dua (Seberang Perai) ke kawasan perkhidmatan LRA Air Itam. Langkah ini menggantikan kekurangan 33 JLH dalam aliran keluar air terawat dari LRA Air Itam.

Paras Sungai Muda agak “sihat” pada 2.02m pada 16.2.2024. Kapasiti Empangan Muda dan Empangan Beris yang melepaskan air ke Sungai Muda dilaporkan masing-masing 74.8% dan 100%.

Kecuali berlakunya kejadian yang tidak diingini, PBAPP sepatutnya mampu untuk mengekalkan langkah-langkah kecemasan AIDAP 2024 dengan selamat untuk tempoh 30 hingga 60 hari akan datang.

CUACA YANG SANGAT PANAS & KERING

Seperti yang diumumkan sebelum ini, konsep AIDAP 2024 oleh PBAPP adalah untuk meningkatkan kapasiti efektif Empangan Air Itam secara beransur-ansur, dengan kurang melepaskan air daripada purata aliran masuk ke empangan.

Bagaimanapun, dengan hanya 1.5mm taburan hujan sejak 1.2.2024 dan suhu meningkat sehingga 36ºC, purata aliran masuk air ke Empangan Air Itam adalah kurang daripada biasa. Daripada 15 JLH, aliran masuk empangan telah berubah-ubah antara 10 dan 12 JLH dari 3 muka sauk empangan: muka sauk Balik Pulau, Sungai Tepi dan Sungai Pinang Barat.

Hasilnya, kapasiti efektif empangan menurun sedikit sebanyak 0.4% dalam tempoh dari 5.2.2024 ke 16.2.2024.

SILA KURANGKAN PENGGUNAAN AIR

Sementara PBAPP melakukan yang terbaik untuk menyediakan perkhidmatan bekalan air yang baik secara berterusan di Air Itam, kami juga memohon kerjasama dan sokongan pengguna air untuk menggunakan air dengan berhemat.

Dengan mengurangkan penggunaan air, pengguna di Air Itam akan membantu mengekalkan empangan yang memberi perkhidmatan kepada mereka dan komuniti mereka. Oleh itu, kami merayu kepada pengguna air Air Itam untuk:

- Seboleh mungkin elakkan menggunakan hos.
- Kurangkan mencuci kereta dan motosikal.
- Siram taman dan tumbuh-tumbuhan dengan bekas penyiram dan bukannya hos.
- Bersihkan rumah, halaman depan dan halaman belakang dengan penyapu, mop atau pembersih vakum dan bukannya menyembur air dengan hos.

Untuk tip-tip penjimatan air, sila lawati: www.pba.com.my.

PEMBENIHAN AWAN: BANTUAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

PBAPP telah menulis kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) untuk mendapatkan bantuan bagi operasi pembenihan awan yang akan merangsang lebih

banyak hujan di kawasan tadahan air untuk 5 muka sauk yang menyalurkan air mentah untuk Empangan Air Itam dan LRA Air Itam.

Kami difahamkan, SPAN telah merujuk perkara ini kepada Ketua Setiausaha Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA). Kami sedang menunggu maklum balas lanjut daripada SPAN dan/atau kementerian.

Kami akan terus memberikan maklumat terkini mengenai status Empangan Air Itam, AIDAP 2024 dan inisiatif pembenihan awan pada tahun 2024.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh	:	Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah Unit Komunikasi Korporat
Email	:	syarifah@pba.com.my

16.2.2024 | PBAPP Air Itam Dam Effective Capacity at 32.4%

16.2.2024 | PBAPP Air Itam Dam Effective Capacity at 32.4%